

**PROSEDUR OPERASI PIAWAI KEMASUKAN HARIAN STAF/PELAJAR/PELAWAT  
KE PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN  
SEMASA TEMPOH PKP 3.0 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2**

**SKOP:**

Prosedur ini diguna pakai untuk semua Staf/Pelajar/Pelawat yang memasuki bangunan PPSK semasa tempoh PKP 3.0 Pelan Pemulihan Negara (PPN) FASA 2.

**TERMA RUJUKAN:**

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengoperasian Kampus Kesihatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Berkuatkuasa 16 Januari 2021).
2. Hebahan Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi: Aktiviti Penyelidikan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 13 Januari 2021.
3. Hebahan Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Wabak Covid-19 bertarikh 8 Nov 2020.
4. Hebahan MPRC Larangan Sementara Pelawat dari Kawasan Berisiko bertarikh 25 Oktober 2020.
5. Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan risiko COVID-19 semasa pandemik bagi staf dan pelajar Kampus Kesihatan USM (versi 3) bertarikh 20 Januari 2021.
6. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengoperasian Kampus Kesihatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Berkuatkuasa 16 April 2021) oleh Nerve Centre COVID-19 Kampus Kesihatan & Pusat Media & Perhubungan Awam (MPRC) Pejabat Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan USM bertarikh 19 April 2021.
7. Hebahan MPRC Kemaskini Deklarasi COVID-19 bertarikh 27 Jun 2021
8. Hebahan MPRC SOP Pengoperasian Kampus Kesihatan Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 bertarikh 5 Julai 2021
9. Hebahan MPRC Kebenaran Hadir Bertugas Staf Kampus Kesihatan Yang Perlu Melalui Sekatan Jalan Raya (SJR) Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 bertarikh 7 Julai 2021
10. Hebahan MPRC Perubahan Mod Talian Hotline Covid-19 Kampus Kesihatan Pada Hujung Minggu & Cuti Umum bertarikh 18 Julai 2021
11. Hebahan Terkini Penasihatannya Berkenaan Pematuhan SOP & Pembudayaan Norma Baharu Dalam Kalangan Warga Kampus Kesihatan Bagi Mengelak Jangkitan Covid-19 Pusat Media & Perhubungan Awam (MPRC) Pejabat Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan USM bertarikh 7 Ogos 2021.

## PROSEDUR:

### 1. Staf

- a) Staf perlu memaklumkan Ketua Unit (Pentadbiran/Akademik/Makmal) masing-masing jika perlu hadir bekerja dan memastikan telah melengkapkan **Borang Deklarasi Risiko COVID-19 Warga Kampus Kesihatan** secara atas talian di <http://bit.ly/crrsusmkk3> dan **Borang Deklarasi Risiko Covid-19 Bagi Pelajar/Staf Menggunakan Makmal** buat kali pertama dan mengemaskini segera deklarasi risiko dan hubungi Hotline Covid-9 serta maklumkan kepada Dekan atau Pn Noordini (Pegawai yang bertanggungjawab berkaitan Covid-19) sekiranya mengalami apa-apa gejala atau mempunyai risiko terbaharu berkaitan Covid-19 (walaupun telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin) setiap kali ada perubahan seperti berikut:

#### **Bergejala:**

Demam, sejuk/menggigil, sakit badan, sakit kepala, sakit tekak, loya/muntah, cirit birit, keletihan melampau, selesema akut, batuk, sesak nafas, hilang deria bau (Anosmia) akut, hilang deria rasa (Ageusia) akut dan sakit mata (conjunctivitis)

#### **Risiko COVID-19:**

- i. Pesakit positif COVID-19
- ii. Individu yang sedang dalam siasatan COVID-19

#### **Risiko perjalanan (dalam masa 14 hari):**

- i. Dari zon merah/kawasan PKPD/PKP Diperketatkan Secara Pentadbiran
- ii. Dari kawasan yang baharu dikenalpasti sebagai kawasan wabak
- iii. Dari negeri yang mempunyai pelbagai kluster aktif (dua daerah atau lebih)

#### **Risiko kontak (dalam masa 14 hari lepas):**

- i. Kontak rapat kepada individu yang baru pulang dari luar negara/zon merah/kawasan PKPD/PKP diperketatkan secara pentadbiran
- ii. **Ahli keluarga serumah anda disyaki atau masih dalam siasatan atau telah disahkan positif COVID-19**
- iii. **Berada di dalam bilik berhawa dingin yang tertutup dalam jangka masa melebihi dari dua (2) jam bersama individu yang disyaki atau masih dalam siasatan atau telah disahkan positif COVID-19**
- iv. **Bersemuka dalam ruang yang tertutup dengan jarak kurang dari 1 meter melebihi 15 minit dengan individu yang disyaki atau masih dalam siasatan atau telah disahkan positif COVID-19**
- v. **Menaiki kenderaan yang sama melebihi 2 jam dengan individu yang disyaki atau masih dalam siasatan atau telah disahkan positif COVID-19**  
*\*Bagi staf yang berisiko kontak (ii/iii/iv/v), **JANGAN TERUS DATANG KE PPSK.** Panjangkan salinan Borang Deklarasi Risiko COVID-19 Warga Kampus Kesihatan secara atas talian di alamat, <http://bit.ly/crrsusmkk3> terkini anda kepada Dekan atau Pn Noordini (Pegawai yang bertanggungjawab berkaitan Covid-19) terlebih dahulu untuk dimaklumkan kepada Bilik Gerakan menerusi whatsapp di talian 011-1295 9745/011-1295 9753.*
- vi. Menghadiri perhimpunan atau majlis yang dikenalpasti berlaku kluster wabak COVID-19
- vii. Menghadiri perhimpunan atau majlis yang melibatkan ramai orang (contohnya: kenduri, majlis tahlil atau perjumpaan agama)

viii. Tinggal bersama individu yang baru pulang dari luar negara.

### **Risiko pekerjaan (dalam tempoh 14 hari lepas)**

- i. Baru pulang dari penempatan di fasiliti atau Hospital COVID-19/Hospital Hybrid
- b) Staf yang melalui sekatan jalan raya (SJR) boleh mencetak Surat Arahan Rasmi Hadir Bertugas melalui Campus Online
- c) Staf boleh mengimbas suhu di mana-mana stesen pemeriksaan suhu yang disediakan di PPSK dan mengimbas kod QR untuk Borang Saringan Kesihatan Gejala Covid19 Harian di Pejabat Unit Pengurusan Makmal Sains (UPMS) setiap hari untuk tujuan dokumentasi.
- d) Staf dikehendaki mengimbas kod QR MySejahtera di makmal masing-masing sebelum memasuki makmal (tidak perlu lagi mengimbas kod QR MySejahtera di Pejabat Pengurusan Makmal).
- e) Staf perlu membuat proses sanitasi meja dan ruang kerja masing-masing sebelum dan selepas digunakan (dengan 70% Ethanol atau 0.1% Sodium Hypochlorite yang disediakan).

## **2. Pelajar**

- a) Pelajar dikehendaki menyerahkan 1 salinan dokumen berikut kepada staf di Pejabat Unit Pengurusan Makmal Sains (UPMS) PPSK:
  - i. **Surat Kebenaran Hadir Ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Susulan Perintah Kawalan Pergerakan** (Borang yang lengkap hendaklah diemailkan kepada En Md Lukmi Ismail di [mdlukmi@usm.my](mailto:mdlukmi@usm.my) berserta perincian berkaitan aktiviti di makmal 3 hari sebelum memasuki makmal)
  - ii. **Borang Deklarasi Risiko Covid-19 Bagi Pelajar/Staf Menggunakan Makmal.** Borang ini mesti diisi dan ditandatangani oleh Penyelia masing-masing. Borang ini hanya diisi sekali sahaja, namun begitu jika ada perubahan seperti di 1 (a), ia mesti diisi semula dengan segera.
  - iii. **Borang Deklarasi Risiko COVID-19 Warga Kampus Kesihatan** secara atas talian di: <http://bit.ly/crrsusmkk3> (menunjukkan paparan keputusan). Borang ini diisi sekali sahaja, jika tiada perubahan seperti di 1 (a).
  - iv. **Borang Saringan Kesihatan Gejala Covid19 Harian**, mengimbas kod QR di luar Pejabat Unit Pengurusan Makmal Sains (UPMS).

Staf perlu memastikan, semua maklumat di atas lengkap sebelum pelajar diberi kebenaran untuk memasuki makmal.

- b) Pelajar perlu mengimbas kod QR MySejahtera di Unit Pengurusan Makmal Sains (UPMS) dan staf bertugas akan menyerahkan Pas Kebenaran harian ke makmal yang hendak digunakan kepada pelajar.
- c) Pelajar perlu sekali lagi mengimbas kod QR MySejahtera sebelum memasuki makmal yang hendak digunakan.

- d) Seterusnya pelajar perlu membuat proses sanitasi meja dan ruang kerja sendiri sebelum dan selepas digunakan (dengan 70% Ethanol atau 0.1% Sodium Hypochlorite yang disediakan).
- e) Pelajar hanya dibenarkan menggunakan makmal pada waktu pejabat sahaja.

### 3. Pelawat

#### a) Tanggungjawab Penganjur:

- i. Mendapatkan kebenaran/kelulusan khas **Pengarah Kampus** menerusi wakil PPSK (Pn. Noordini Ghazali, samb. 7676; noordini@usm.my). Surat kelulusan berkenaan dihantar kepada Pelawat sebelum datang ke PPSK untuk ditunjukkan kepada pihak keselamatan dan Klinik SRI.
- ii. Menghantar, menerima, menilai - pegawai yang bertanggungjawab (PIC) perlu mendapatkan konsultasi dari Klinik SRI-KRK berkenaan penilaian Borang Deklarasi tersebut di talian 09-7673139/3140), mengesahkan dan menghantar semula **Borang Deklarasi Risiko Covid-19 Pelawat Ke Kampus Kesihatan USM [Versi 01/2021 (P11)]** yang telah disahkan kepada Pelawat.
- iii. Bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat Pelawat yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan

#### b) Tanggungjawab Pelawat:

- i. Merujuk kepada mana-mana individu atau kumpulan (bukan warga Kampus Kesihatan) yang perlu masuk ke kawasan Kampus Kesihatan atas apa-apa tujuan seperti yang dibenarkan berdasarkan SOP oleh MKN.
- ii. Memperolehi kebenaran/ kelulusan khas daripada Pengarah Kampus menerusi wakil Pusat Pengajian/ PTJ/ Jabatan/ Unit yang terlibat.
- iii. Setelah memperolehi kebenaran, pelawat perlu melengkapkan **Borang Deklarasi Risiko Covid-19 Pelawat Ke Kampus Kesihatan USM [Versi 01/2021 (P11)]** dan mengembalikannya kepada wakil Pusat Pengajian/ PTJ/ Jabatan/ Unit yang terlibat untuk penilaian risiko selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh lawatan. Pegawai yang bertanggungjawab (PIC) perlu mendapatkan konsultasi dari Klinik SRI-KRK berkenaan penilaian Borang Deklarasi tersebut di talian 09-7673139/ 3140.
- iv. Tertakluk saringan risiko, pelawat perlu mengemukakan salinan slip keputusan ujian calitan (swab test) 'RT-PCR/ RTK-Ag' terkini (dalam tempoh 72 jam) dengan keputusan negatif.bersama-sama borang deklarasi. Pengurusan berhak membatalkan kebenaran lawatan sekiranya pelawat didapati berisiko.
- v. Semua Pelawat yang dibenarkan perlu melapor diri PPSK/Unit berkenaan dan perlu memeriksa suhu badan dan mendaftar kehadiran menerusi imbasan kod QR MySejahtera yang disediakan.
- vi. Pelawat perlu memakai pelitup muka sepanjang masa dan mematuhi SOP serta amalan-amalan norma baharu yang dipraktikkan di dalam kawasan Kampus

Kesihatan, khususnya mencuci tangan menggunakan pembasmi kuman, penjarakan fizikal dan lain-lain.

- vii. **Sebagai peringatan, menyembunyikan maklumat penting atau memberikan maklumat yang tidak betul dan tidak benar atau tidak bekerjasama dengan mana-mana staf USM yang bertugas atau enggan memberikan maklumat yang dikehendaki berkenaan COVID-19 adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 mengikut seksyen 22(c) & 22 (d) dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.**

### **AMARAN UNTUK SEMUA:**

1. Semua Staf/Pelajar PPSK **DILARANG** merentas daerah, negeri, ke mana-mana zon merah atau lain-lain kawasan berisiko, kecuali atas urusan rasmi dengan arahan/perakuan/kelulusan Ketua Jabatan (jika perlu, hanya dengan menaiki kereta sendiri, **BUKAN** pengangkutan awam) atau menghadiri majlis keramaian seperti kenduri-kendara. Sekiranya terpaksa menghadiri, hendaklah mengisi **Borang Deklarasi Risiko COVID-19 Warga Kampus Kesihatan** secara atas talian di: <http://bit.ly/crrsusmkk3> dan **Borang Deklarasi Risiko Covid-19 Bagi Pelajar/Staf Menggunakan Makmal**.
2. Seterusnya Staf/Pelajar perlu membuat proses sanitasi meja dan ruang kerja sendiri sebelum dan selepas digunakan (dengan 70% Ethanol atau 0.1% Sodium hypochlorite yang disediakan)
3. Kebenaran masuk ke PPSK adalah **terbatal** jika ada sejarah melawat atau datang dari mana-mana zon merah, TEMCO, EMCO, CMCO dan lain-lain zon kluster jangkitan baru yang diisytiharkan oleh KKM dan MKN.
4. Jangan hadir bertugas atau menyertai aktiviti akademik, penyelidikan dan lain-lain sebelum disahkan tidak berisiko sama ada oleh Ketua Jabatan, Bilik Gerakan COVID-19, pasukan Hotline atau Klinik SRI. Berdasarkan pemantauan, didapati ada sebilangan warga yang masih hadir ke kampus walaupun sedang bergejala atau pun mempunyai kontak dengan kes positif atau individu dalam siasatan. Tindakan yang tidak bertanggungjawab sedemikian boleh menyebabkan jangkitan merebak ke kampus sekiranya mereka yang berkenaan didapati positif
5. Hubungi Hotline COVID-19 untuk konsultasi/penasihatankesihatan (bagi risiko selain daripada risiko kontak *ii/iii/iv/v*). Waktu operasi Hotline adalah seperti berikut:
  - 09-7673131 (8.30 pagi–4.30 petang [Ahad-Rabu])/(8.30 pagi–3.00 petang [Khamis])
  - 019-694 7836 @ 019-376 1296 (9.00 pagi–1.00 tengahari) (Jumaat/Sabtu atau Cuti Umum) (talian Whatsapp sahaja)
6. **JANGAN TERUS KE KLINIK SRI SEBELUM MENGHUBUNGI HOTLINE!**

Patuhi sepenuhnya saranan/arahan yang diberikan oleh Hotline/Klinik SRI-KRK. Panjangkan salinan sijil sakit atau apa-apa slip status kesihatan anda yang dikeluarkan oleh Klinik SRI-KRK kepada Ketua Jabatan.

7. Bilik Gerakan COVID-19 boleh dihubungi menerusi whatsapp di talian 011-1295 9745/011-1295 9753. untuk pertanyaan berhubung aktiviti kawalan dan pencegahan wabak COVID-19

***Amalkan Wash Wear Warn  
Elakkan Crowded Place Confined Place Close Conversation***

**Disediakan oleh: JKPP PPSK (9 Ogos 2021)**



9/8/2021

**PROFESOR DR. NOZMI MOHD NOR**  
Dekan  
Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
Kampus Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia  
16150 Kubang Kerian, Kelantan.